

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2016/2017**

TERBUKA

NAMA KURSUS : ATURCARA KONTRAK DAN
TAKSIRAN
KOD KURSUS : BBB 40302
KOD PROGRAM : BBB
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016/JANUARI 2017
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Kerja kontrak melibatkan dua pihak iaitu majikan dan kontraktor. Perlantikan kontraktor dibuat melalui sistem tawaran. Berikan definisi tawaran dari aspek kontrak dalam kejuruteraan awam. (2 markah)
- (b) Terdapat beberapa jenis tawaran yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan. Terangkan jenis tawaran terpilih dan tawaran perundingan. (12 markah)
- (c) Dokumen tawaran disediakan oleh pihak kontraktor bagi meletakkan harga tawarannya. Nyatakan tujuh (7) perkara yang terlibat dalam dokumen tawaran. (7 markah)
- (d) Jelaskan dua (2) syarat tawaran yang terlibat semasa penyediaan dokumen tawaran. (4 markah)
- S2** Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) telah diwujudkan pada tahun 1994 bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan. Perkara ini menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kontraktor bagi memastikan tiada kemalangan berlaku di tapak pembinaan.
- (a) Terangkan tugas-tugas penyelia OSHA di tapak pembinaan. (10 markah)
- (b) Huraikan tujuh (7) punca berlaku kemalangan semasa di tapak pembinaan dan nyatakan enam (6) cara mengatasi kemalangan tersebut. (15 markah)
- S3** Kontrak adalah satu perjanjian yang terjalin apabila satu pihak bersetuju untuk menerima tawaran daripada satu pihak yang lain. Kandungan kontrak mestilah sah di sisi undang-undang dan maklumat yang dinyatakan adalah sulit.
- (a) Apakah tujuan utama kontrak dalam kejuruteraan awam? (4 markah)
- (b) Berdasarkan Akta Kontrak 1950, nyatakan lima (5) prinsip kontrak. (5 markah)
- (c) Senaraikan jenis-jenis kontrak yang biasa digunakan di Malaysia. (4 markah)
- (d) Huraikan jenis kontrak yang bersesuaian dengan pembinaan penjara. (12 markah)

- S4** (a) Berdasarkan Fasal 39, pihak kontraktor boleh melantik subkontraktor bagi kerja-kerja kecil yang khas kepada kepakaran bidang.
- (i) Jelaskan jenis-jenis subkontraktor yang dipilih. (4 markah)
- (ii) Huraikan taksiran kerja-kerja subkontraktor yang diperuntukkan dalam kontrak. (6 markah)
- (b) Merujuk kepada fasal 35, ianya melibatkan pengeluaran Sijil Lanjutan Masa dan Sijil Kelewatan.
- (i) Jelaskan secara ringkas mengenai fasal 35. (3 markah)
- (ii) Berikan sebab-sebab yang membolehkan Sijil Lanjutan Masa dikeluarkan oleh pegawai penguasa. (12 markah)

-SOALAN TAMAT-

MAJLIS ATAS PERSEKUTUAN
Menteri Kanan
Kementerian Pendidikan
Kuala Lumpur